

Kepada : Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Daripada : Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEND/AKS/7

Tarikh : 5 Oktober 2021
28 Safar 1443H

URUSAN PENUTUPAN AKAUN UPSI BAGI TAHUN 2021

Dimaklumkan bahawa, akaun Universiti bagi tahun 2021 akan ditutup pada 31 Disember 2021. Oleh itu, untuk memudahkan penutupan akaun tersebut, di bawah ini disenaraikan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTj).

1.1. Proses Pembelian

- 1.1.1 Tarikh akhir bagi permohonan untuk perolehan melalui sebutharga rasmi/tender menggunakan peruntukan akaun mengurus adalah pada **30 September 2021 (Khamis)**. Sehubungan itu, semua permohonan perolehan menggunakan peruntukan akaun mengurus melalui sistem maklumat MyFIS NEO akan dihentikan selepas 30 September 2021 tersebut, manakala perolehan yang menggunakan akaun amanah dan peruntukan RMK akan diteruskan.
- 1.1.2 Bagi memastikan semua bekalan dan perkhidmatan diterima dalam tahun 2021, tarikh akhir pengeluaran pesanan belian bagi urusan pembelian ataupun perkhidmatan adalah pada **17 November 2021 (Rabu)**. Sehubungan itu, pengeluaran pesanan belian melalui sistem maklumat kewangan MyFIS NEO oleh semua PTj akan dihentikan selepas 17 November 2021 tersebut.
- 1.1.3 Untuk membolehkan semua pembelian atau kerja yang dilaksanakan dapat diakaunkan ke dalam akaun tahun 2021, PTj hendaklah memastikan semua barang-barang yang dipesan atau kerja yang dilaksanakan dapat diselesaikan selewat-lewatnya pada **21 Disember 2021 (Selasa)** dan semua dokumen bayaran yang lengkap perlu dihantar ke Jabatan Bendahari selewat-lewatnya pada **24 Disember 2021 (Jumaat)**.
- 1.1.4 Mana-mana pembelian atau perkhidmatan yang dilaksanakan selepas tarikh tersebut, pembayaran akan dibuat dalam tahun 2022 dengan menggunakan peruntukan tahun 2022 PTj masing-masing.

...2/-

1.2. Dokumen untuk pembayaran

Semua dokumen untuk pembayaran hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari dengan lengkap selewat-lewatnya pada tarikh seperti yang berikut:-

<u>Jenis Dokumen</u>	<u>Tarikh Akhir Serahan</u>
(a) Inbois-inbois daripada pembekal	24 Disember 2021 (Jumaat)
(b) Tuntutan perjalanan dan tuntutan pelbagai kakitangan	24 Disember 2021 (Jumaat)
(c) Rekupan panjar wang runcit	24 Disember 2021 (Jumaat)

1.3. Aset, Inventori dan Stok

Kerjasama YBhg. Prof./Dr./tuan/puan adalah dipohon untuk:-


- 1.3.1 Memastikan semua aset dan inventori yang dibeli dalam tahun 2021 disimpan, dilabel dan dikemaskini di dalam sistem maklumat kewangan MyFIS NEO, termasuk kad-kad kewangan berkaitannya. Senarai aset, inventori dan stok boleh diakses daripada sistem maklumat kewangan MyFIS NEO.
- 1.3.2 Memastikan semua tindakan pelupusan (jika ada) yang telah diputuskan oleh Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor dilaksanakan.
- 1.3.3 Memastikan Jawatankuasa Pemverifikasi Aset/Inventori/Stok melakukan pemeriksaan fizikal (verifikasi) sekurang-kurangnya satu kali setahun.
- 1.3.4 Senarai aset, inventori dan stok boleh diakses daripada sistem maklumat kewangan MyFIS NEO dan dimohon juga supaya dapat dilaksanakan pemeriksaan fizikal (verifikasi) aset, inventori dan stok di bawah PTJ masing-masing sebelum pihak juruaudit datang mengaudit akaun universiti.

2. Kerjasama YBhg. Prof./Dr./tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai bagi membantu melancarkan proses penutupan akaun tahun 2021 ini dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"UPSI NO.1 PENDIDIKAN"

Saya yang menjalankan amanah,


(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A.(M), ASEAN CPA)

s.k.

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)